



BULETIN JKSM

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

ISSN 1511-7839

BIL. 1 / 2000 (JANUARI - JUN 2000)



Sesi Bergambar Selepas Majlis Perjanjian Perkhidmatan Gunasama bersama YB Menteri di JPM di EPU, JPM

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia: Sinar Baru Institusi Kehakiman Syariah

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dirasmikan penubuhannya pada 15 Disember, 1998 merupakan satu kejayaan hasil daripada aspirasi umat Islam dalam memartabatkan institusi kehakiman Islam di negara ini.

Dengan berbekalkan fungsi, misi dan visi ke arah mempertingkatkan pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, JKSM telah mengorak langkah secara giat menjalankan beberapa tindakan secara bersama dengan Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri dalam aspek penyelaras pengurusan dan pentadbiran seperti pengurusan fail, sistem rangkaian maklumat elektronik (IT) dan perpustakaan.

Kejayaan awal JKSM dalam usaha mempertingkatkan skim perkhidmatan Pegawai Syariah di seluruh negeri-negeri terbukti dengan termeterainya Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah dengan enam buah negeri iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis dan Wilayah Persekutuan.

Semoga dengan kerjasama seluruh Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri yang terjalin kukuh selama ini akan menghasilkan kejayaan-kejayaan yang lain pada masa akan datang dan JKSM selaku badan penyelaras akan mampu menyinari martabat institusi kehakiman syariah di negara ini. Insya'Allah.



Majlis Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Pertama
Pada 17 Mei, 1999 di EPU, JPM



Majlis Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Kedua
Pada 24 Ogos, 1999 di Putrajaya

SYARIAH ASAS KEADILAN

Sidang Redaksi

Penaung /Penasihat

Yang Amat Arif
 Dato' Sheikh Ghazali
 Hj. Ab. Rahman
 Ketua Pengarah / Ketua Hakim
 Syarie

Ketua Pengarang

Mohamad bin Haji Abdullah

Sidang Pengarang

Nassir bin Hj. Abdul Aziz
 Mohd Amran bin Mat Zain
 Azmee bin Hj. Hussin
 Sukarno bin Osman

Produksi dan Edaran

Haji Hasbullah bin Hassan
 Ramlah binti Endut
 Rathanah binti Abd. Hamid

Jurugambar

Anauar bin Hj. Idris

Susunatur dan Grafik

Azmee bin Hj. Hussin
 Noor Fazlida binti Hamdan

Buletin ini dikeluarkan dua kali setahun.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia,
 Tingkat 6, Rumah Persekutuan,
 Jalan Hishamuddin, 50677 Kuala Lumpur.

Dari Meja...

Ketua Pengarang

Buletin Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ingin mengucapkan kepada para pembaca salam hormat dan selamat bertemu buat pertama kali dalam edisi sulung Buletin JKSM ini. Kami dari Sidang Redaksi merancang mengeluarkan Buletin ini dua kali setahun iaitu pada pertengahan tahun dan akhir tahun.

Untuk makluman para pembaca sekalian kandungan buletin ini memaparkan aktiviti semasa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia khususnya, dan perkara-perkara yang berkaitan kehakiman syariah umumnya. Institut Kehakiman Syariah mempunyai hubungan yang rapat sekali dengan tuntutan perlaksanaan undang-undang Islam yang bersumberkan al-Quran, Hadith Nabi s.a.w. ijmak ulamak dan qias. Sejarah Islam telah menjelaskan bahawa sejak zaman Nabi s.a.w. lagi, urusan kehakiman ini diberi keutamaan. Baginda melantik beberapa orang

sahabat baginda mengendalikan urusan kehakiman. Begitu juga di zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah-khalifah selepasnya mereka melantik para hakim untuk mengendalikan kehakiman dalam masa pemerintahan mereka. Khalifah Umar b. al-Khattab r.a. misalnya melantik Abu Darda' r.a. sebagai Hakim di Madinah, Syurayh b. al-Harith di Kufah dan Abu Musa al-Asyauri di Basrah.

Semoga catatan ringkas sejarah awal kehakiman syariah tersebut memberi perangsang kepada kita semua untuk memberi perhatian terhadap perkembangan kehakiman syariah di Malaysia. Insya'Allah, Buletin ini seberapa boleh akan memuatkan perkembangan terkini kehakiman syariah di Malaysia.

Akhir kata, Sidang Redaksi JKSM, mengucapkan selamat membaca keluaran sulung ini dan Insya'Allah akan bertemu semula pada keluaran berikutnya.



Y.B. Dato' Paduka Dr. Abdul Hamid Othman
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) kerana telah dapat menerbitkan "Buletin JKSM" yang pertama ini. Dengan terbitnya buletin ini semoga Jabatan / Agensi lain dan orang ramai dapat mengetahui lebih dekat lagi tentang objektif, fungsi dan peranan yang dilaksanakan oleh Jabatan ini.

Institusi kehakiman syariah pada masa kini telah mendapat perhatian masyarakat kerana peranan yang dimainkannya dan isu-isu semasa yang berkaitan dengan hukum syarak seperti kes-kes berkaitan jenayah syariah dan juga kes rumahtangga. JKSM hendaklah bersedia dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah tersebut dengan bersih, cekap dan amanah. Tugas dan tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan Jabatan adalah sangat penting demi untuk meningkat mutu perkhidmatan Jabatan.

Antara cabaran yang dihadapi oleh Jabatan ini ialah menyusun dan mengemaskini kedudukan Jabatan selaras dengan pertukaran Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah Negeri kepada Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan dan penyeragaman undang-undang Islam dan prosedur yang diguna pakai di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

Akhir kata, saya ucapkan sekali lagi selamat maju jaya untuk bangsa dan negara.
Terima kasih.

(DATO' PADUKA DR. ABDUL HAMID OTHMAN)

Kata-kata Aluan

Y.A.A Dato' Sheikh Ghazali Ab. Rahman
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



Assalamualaikum wr. Wb.

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk dan Inayah-Nya, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah berjaya buat julung kalinya menerbitkan "Buletin JKSM". Mudah-mudahan dengan adanya "Buletin JKSM" ini akan memperluaskan lagi sebaran maklumat dan berita-berita semasa berhubung JKSM dan tindakannya dalam usaha ke arah mencapai objektif penubuhan JKSM.

Saya juga berharap, melalui bahan-bahan maklumat yang dipaparkan di dalam Buletin ini akan mendekatkan lagi para pembaca dengan JKSM dan secara tidak langsung dapat membina silaturrahim yang kukuh ke arah sama-sama berusaha merealisasikan pelaksanaan undang-undang Islam dalam sistem kehakiman dan perundangan di Malaysia. Jabatan ini juga bersedia dari masa ke semasa untuk menerima teguran membina demi kebaikan Jabatan dalam usaha untuk memajukan dan meningkatkan pelaksanaan undang-undang Islam yang lebih berkesan untuk faedah umat Islam dan masyarakat umumnya.

Semoga Allah memberkati usaha murni ini.

Sekian salam hormat. Terima Kasih.

(DATO' SHEIKH GHAZALI HJ. AB. RAHMAN)

RENCANA**Mahkamah Syariah Perkembangan Terkini**

Oleh : Yang Amat Arif, Dato' Sheikh Ghazali bin Hj. Ab. Rahman
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM

Menubuh dan menegakkan badan kehakiman merupakan satu tuntutan di dalam Islam. Mahkamah yang ditubuhkan oleh pemerintah diberi tanggungjawab untuk mengendali, mengurus, mentadbir dan menjalankan tugas-tugas pengadilan dan penghakiman serta melaksanakan keputusan-keputusan dengan adil dan saksama.

Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 58 yang bermaksud:

" Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia. (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat."

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

" Apabila hakim hendak memberi hukum dan ia berijtihad (sebelum memberi hukuman) lalu benar maka baginya dua pahala dan apabila ia berijtihad dan kemudiannya salah maka baginya satu pahala."

Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) telah memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan. "Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan"

Perlembagaan Pesekutuan menetapkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, tetapi tidak wujud di dalam Perlembagaan satu peruntukan penubuhan Mahkamah Syariah kecuali Perlembagaan memperuntukkan kepada Negeri-negeri untuk mentadbir undang-undang Islam khasnya undang-undang diri dan keluarga, keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah Syariah yang mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai 2 dan tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan.

Perkara 74 (2) memperuntukkan:

" Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama."

Penubuhan Mahkamah Syariah, pelantikan Kadi Besar, Kadi dan Panel Jawatankuasa Ulangbicara dibuat menurut peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri atau Enakmen Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Mahkamah Syariah yang ditubuhkan telah melaksanakan tanggungjawab dan kuasanya bagi mengendalikan kes-kes Mal dan Jenayah mengikut peraturan-peraturan perbicaraan Mal dan Jenayah yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri. Dengan peraturan dan acara yang tidak lengkap, peralatan dan kemudahan yang tidak mencukupi di samping kekurangan Kadi (Hakim), pegawai-pegawai dan kakitangan, maka perjalanan Mahkamah Syariah dalam keadaan yang serba lemah.

Kedudukan pentadbiran undang-undang Mahkamah Syariah yang tidak memuaskan itu telah disedari oleh kerajaan dan masyarakat Islam di Malaysia. Sebagai langkah memperbaiki keadaan itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir bin Ismail untuk mengkaji, menimbangkan kedudukan kuasa dan status Mahkamah Syariah dan hakim-hakim Mahkamah Syariah. Jawatankuasa itu dalam laporannya kepada Kerajaan telah mengesyorkan:

- (a) Pentadbiran Mahkamah Syariah hendaklah dipisahkan dari pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri-negeri;
- (b) Status dan bidangkuasa Mahkamah Syariah hendaklah diperbaiki dan ditambah ;
- (c) Status dan kedudukan hakim Mahkamah Syariah hendaklah dipertingkatkan dan suatu perkhidmatan kehakiman dan perundangan ditubuhkan bagi hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan Pendakwa-Pendakwa.

Berikut dengan itu, sebuah Jawatankuasa peringkat pegawai mengenai laporan Jawatankuasa mengkaji kedudukan Mahkamah-Mahkamah Syariah dan taraf Kadi-Kadi di seluruh Malaysia 1981 telah ditubuhkan dan Jawatankuasa ini telah mengemukakan pendapat dan perakuannya kepada Kerajaan yang menyentuh perkara-perkara berikut:

1. Struktur dan fungsi Mahkamah
2. Pengurusan personel Mahkamah Syariah
3. Undang-undang yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah
4. Peguam-peguam syarie

Penyusunan Semula Mahkamah Syariah

Pada tahun 1986, Kerajaan telah bersetuju menyusun semula struktur organisasi dan fungsi Mahkamah Syariah sebagai satu langkah untuk mempertingkatkan peranan Mahkamah dan kecekapannya memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Dengan itu, semua negeri telah mengambil tindakan meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri-negeri untuk mewujudkan tiga peringkat Mahkamah iaitu :

- a. Mahkamah Rayuan Syariah
- b. Mahkamah Tinggi Syariah
- c. Mahkamah Rendah Syariah

Mahkamah Syariah telah dipisahkan daripada organisasi Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan bebas dengan pengurusannya sendiri dan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie. Jawatan-jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Pendaftar Mahkamah Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah telah diwujudkan.

Undang-Undang Yang Ditadbirkan Oleh Mahkamah

Di antara undang-undang yang diluluskan dan berkuatkuasa di negeri-negeri sebagai contoh Wilayah Persekutuan ialah:

1. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984
2. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993,
3. Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
4. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
5. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
6. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

Pada tahun 1995, sebuah Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara bagi meneliti penyelarasan perkhidmatan kehakiman dan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia serta pewujudan Mahkamah Rayuan Syariah Persekutuan. Jawatankuasa ini telah membuat kajian dengan meneliti:

1. Struktur organisasi Mahkamah Syariah yang sedia ada;
2. Kuasa-kuasa setiap mahkamah dan peraturan-peraturan yang terpakai;
3. Kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan hal ehwal kehakiman dan perundangan Islam;
4. Meneliti kedudukan perjawatan Mahkamah Syariah yang sedia ada mengikut klasifikasi jawatan serta tahap pencapaian sejak tiga tahun ke belakangan;
5. Meneliti bidang dan beban tugas pegawai-pegawai syariah;
6. Tanggungan Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
7. Kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pegawai syariah pada masa ini; dan

RENCANA

8. Merangka bentuk yang sesuai bagi menjalankan proses menyatukan Perkhidmatan Kehakiman di Mahkamah Syariah di seluruh negara.

Persetujuan Penyusunan Semula Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Julai, 1996 telah menimbang dan bersetuju akan cadangan penyusunan semula Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia melalui kaedah-kaedah berikut:

- a. Supaya sebuah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan yang mana Ketua Hakim Syarie Malaysia adalah Ketua Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah seluruh Malaysia dan diletakkan di bawah tanggungan Jabatan Perdana Menteri;
- b. Supaya struktur organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia diwujudkan;
- c. Supaya Kerajaan Persekutuan mewujudkan empat jawatan Pegawai Syariah Tingkatan Tertinggi C untuk diletakkan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi menimbang kes rayuan Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
- d. Supaya struktur Mahkamah Syariah di negeri-negeri terus dikenalkan selaras dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri dan Ketua Hakim Syarie serta pegawai-pegawai Syariah ditauliahkan oleh pihak berkuasa negeri;
- e. Supaya satu Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengisi jawatan di Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh Malaysia dengan menggunakan Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah yang sedia ada;
- f. Supaya satu Perjanjian diadakan di antara Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Mahkamah-mahkamah Syariah termasuk peruntukan mengenai latihan, pengesahan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tata tertib ke atas pegawai-pegawai berkenaan;

- g. Supaya Kerajaan Persekutuan membiayai segala emolumen, elauan tetap bulanan dan lain-lain imbuhan Pegawai Syariah yang berkhidmat di Mahkamah Tinggi Syariah di negeri-negeri dan Mahkamah Rayuan Syariah;
- h. Supaya mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja / Kerajaan-Kerajaan Negeri mengenai cadangan mewujudkan satu Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Seluruh Malaysia.

Bagi melaksanakan keputusan Jemaah Menteri itu, beberapa langkah untuk merealisasikan persetujuan itu telah diambil di antaranya:

1. Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ditubuhkan mengikut Waran Perjawatan Bil. 57 Tahun 1998 yang diluluskan oleh Perbendaharaan bertarikh 1 Mac, 1998 dan telah dirasmikan penubuhannya oleh Y.B. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman pada 15 Disember, 1998.

2. Persetujuan Negeri-negeri

Usaha-usaha untuk mendapat persetujuan Negeri-negeri telah dibuat dan setakat ini tujuh negeri termasuk Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk menerima pakai Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Seluruh Malaysia.

3. Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah

Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah diadakan pada 17 Mei, 1999 dan 24 Ogos, 1999. Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara mewakili Kerajaan Persekutuan dan Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Perlis, Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan mewakili Kerajaan Negeri masing-masing.

Sejarah Penubuhan JKSM

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan pada 1 Mac, 1998 melalui Waran Perjawatan Bil. 57 Tahun 1998, manakala perasmianya dilangsungkan pada 15 Disember, 1998 oleh Y.B. Dato' Paduka Dr. Abdul Hamid bin Othman, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.


Keperluan mewujudkan sebuah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia adalah amat dirasai oleh seluruh umat Islam di Malaysia. Mengedari keadaan ini, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa untuk mengkaji, meneliti dan melaksanakan keperluan tersebut. Oleh itu, sebuah Jawatankuasa Kerja bagi meneliti Penyelarasaran Perkhidmatan Kehakiman dan Mahkamah Syariah serta pengujudan Mahkamah Rayuan Syariah Persekutuan.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu. Kajian yang telah dibuat oleh Jawatankuasa meliputi bidangkuasa perundangan, perjawatan, perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan Hakim-hakim di Mahkamah Syariah.

Hasil daripada kajian Jawatankuasa ini telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 3 Julai, 1996. Jemaah Menteri telah menimbang dan bersetuju akan cadangan Penyusunan Semula Mahkamah-Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia dan cadangan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebagai badan penyelaras bagi Kerajaan Persekutuan memelihara pembangunan institusi kehakiman syariah di negara ini.

Sejarah penempatan pejabat JKSM di peringkat awal pada tahun 1998 ialah di Tingkat 3, Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur yang juga menempatkan pejabat Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kemudiannya pada tahun 1999, pejabat JKSM telah berpindah ke Tingkat 3, Bangunan Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pusat Islam Malaysia di Jalan Perdana, Kuala Lumpur. Setelah itu, pejabat JKSM berpindah lagi ke Tingkat 6, Rumah Persekutuan, Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur hingga sekarang. Dan dijangka pejabat JKSM akan berpindah secara tetap pada awal tahun 2001 di Parcel D Putrajaya berikut penempatan setempat Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

1999 di Pusat Islam



1998 di Bangunan Sulaiman



kini di Rumah Persekutuan

2001 Akan datang di Parcel D Putrajaya

VISI / MISI / OBJEKTIF DAN FUNGSI JKSM

VISI

Untuk menjadikan sebuah agensi pusat yang berwibawa bagi merealisasikan penyeragaman sistem perundangan Islam demi menegakkan keadilan

MISI

Untuk menyeragamkan peruntukan undang-undang Islam di seluruh negara serta pengendalian kes-kes rayuan secara berkesan dan bersistematik

OBJEKTIF

- Mewujudkan undang-undang Islam berhubung dengan pentadbiran Mahkamah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di negeri-negeri;
- Memastikan semua negeri menggunakan Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah;
- Memastikan kes-kes Mahkamah Rayuan dikendalikan dengan adil, cekap dan teratur;
- Memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat dengan meluas bagi melicinkan pentadbiran.

FUNGSI

- Mengendalikan kes-kes rayuan;
- Menyelaras sistem perundangan Islam dan prosedur bagi diterima pakai oleh negeri-negeri;
- Membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi;
- Menyelaraskan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Peguam Syarie di seluruh Malaysia.



Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Pertama di EPU, JPM



Perjanjian Kedua di Putrajaya



Sesi Pertukaran Dokumen Perjanjian

Renungan

Wahai sekalian manusia, beribadatlah kepada Tuhan kamu yang menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang) yang bertaqwa.
Al-Baqarah : 21

Aktiviti JKSM

1999

Lawatan Kerja Ketua Pengarah Ke Mahkamah Syariah Negeri-Negeri
Yang Menerima Skim Gunasama Pegawai Syariah



29 Julai, 1999
Lawatan Kerja di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan



3 Ogos, 1999
Lawatan Kerja di Mahkamah Syariah Negeri Selangor



5 Ogos, 1999
Lawatan Kerja di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan



26 Ogos, 1999
Lawatan Kerja di Jab. Kehakiman Syariah Melaka

Selain daripada lawatan di Mahkamah Syariah di atas, Ketua Pengarah bersama Pegawainya juga telah mengadakan lawatan di Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 16 September, 1999 dan di Mahkamah Syariah Negeri Perlis pada 17 September, 1999

PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH SE-MALAYSIA

Aktiviti JKSM

1999



Pada 9 – 12 September, 1999 JKSM telah menganjurkan Persidangan Pegawai Syariah buat kali pertama bertempat di Holiday Villa, Langkawi yang dihadiri seramai 130 orang Pegawai Syariah yang terdiri daripada Hakim, Pendaftar, Peguam Syarie Biro Bantuan Guaman dan Pendakwa Syarie. Program tahunan ini dikendalikan oleh JKSM bertujuan bermuzakarah mengenai isu-isu kepentingan bersama.

PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH DI 1999
SMKAN OLEN Y B DATO PADUKA DR. ABDUL HAMID BIN OTMAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

TARIKH : 9-12 SEPTEMBER 1999

PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH DI 1999
SMKAN OLEN Y B DATO PADUKA DR. ABDUL HAMID BIN OTMAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



Persidangan telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Muhammad bin Hj. Abdullah, Setiausaha Parlimen di JPM yang mewakili Y.B. Menteri Di JPM. Di antara intipati ucapan Y.B. Menteri telah mengulas mengenai peranan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh semua Pegawai Syariah dalam menghadapi perubahan sosio-budaya umat Islam di alaf baru.



PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE & HAKIM-HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SE-MALAYSIA

Persidangan tahunan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Muhammad Hj. Abdullah, Setiusaha Parlimen di JPM yang mewakili Y.B. Menteri Di JPM pada 12-14 November, 1999 di Guoman Resort, Port Dickson.



PERASMIAN PERSIDANGAN
KETUA-KETUA HAKIM & HAKIM SYARIE DI
GUOMAN PORT DICKSON
12 - 14 NOV 1999
OLEH: Y. B. DATO' PADUKA DR. ABDUL HAMID B. OTMAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI





Y. Bhg. KSN menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Bagi Pihak Kerajaan Persekutuan



Pegawai dan kakitangan JKSM bergambar bersama KP dan Ahli Panel Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie



Sesi perbincangan dalam mesyuarat Penyediaan Belanjawan Jabatan di Seri Malaysia, Genting Highland



Barisan Ahli Panel Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah yang dijemput hadir



Para peserta tekun mendengar taklimat penceramah Arkib Negara



Sebahagian Ahli Majlis NACIWID yang turut serta dalam lawatan kerja YB Datuk Shahrizat Abdul Jalil di JKSM



Sesi tazkirah di INTAN, Kluang




KP menyampaikan cenderahati kepada penceramah



Kunjungan hormat KP dengan YAB Ketua Menteri Sarawak di Kuching, Sarawak



TYT Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai sedang diperkenalkan dengan Ketua-ketua Hakim Syarie



KP melancarkan memoir Prof. Ahmad Ibrahim di ITM Shah Alam



Tan Sri Prof. Harun Hashim turut memberikan buah fikiran dalam mesyuarat



Suasana mesra sebelum berlangsungnya Majlis Perjanjian Gunasama di EPU



Tuan Mat Zaraai sedang menyampaikan ceramahnya



Barisan Ahli Panel Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie



Urusetia JKSM di Istana TYT Sabah



Sessi latihan amal kursus rekod



Penceramah INTAN dalam Kursus Tatacara Kewangan



Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Rekod bergambar di Langkawi



Us. Nassir, Pen. Pengarah Bhg. Latihan JKSM menyampaikan ucapan



KP dalam majlis di ITM Shah Alam

KP dalam upacara perasmian Bilik Guaman Syarie, Akademi Islam, Universiti Malaya.



Suasana di mesyuarat J/kuasa Semakan Kod Etika Hakim Syarie di Shah Alam

Aktiviti JKSM Tahun 2000

Majlis Taklimat Sempena Lawatan Kerja di pejabat JKSM oleh Y.B. Tuan Hj. Noh bin Hj. Omar,
Setiausaha Parlimentari di Jabatan Perdana Menteri



JKSM telah menerima lawatan kerja oleh YB Tuan Hj. Noh bin Hj. Omar, Setiausaha Parlimentari di JPM yang baru dilantik bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai organisasi JKSM.

Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Sistem Elektronik (IT) Mahkamah Syariah Se-Malaysia Kali 1 yang diadakan di JKSM pada 17 April, 2000



Dalam usaha memantapkan pengurusan Mahkamah Syariah, JKSM telah diberikan peranan besar dalam merangka dan menyediakan sistem elektronik Mahkamah Syariah untuk direalisasikan di seluruh negara.



Dalam usaha ke arah matlamat tersebut, sebuah Jawatankuasa Petugas telah dibentuk yang bertanggungjawab menyelia segala tindakan yang dirancang.

Mesyuarat Ketua Pendaftar / Pendaftar Se-Malaysia



Kali Pertama pada 10/2/2000 di JKSM



Kali Kedua pada 12/6/2000 di Kuching, Sarawak

Mesyuarat Ketua Pendaftar / Pendaftar diadakan sebanyak 3 kali setahun, berfungsi sebagai sesi perbincangan mengenai pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah dan Ketua Pendaftar JKSM bertindak selaku Pengerusi Mesyuarat.



Ahli Mesyuarat dalam Sessi bergambar di Kuching, Sarawak

Aktiviti JKSM Tahun 2000

BULETIN JKSM

Bengkel Penyelarasan Manual
Prosedur Kerja Dan Fail Meja di
INTAN Kluang, Johor

Seramai 40 orang peserta bengkel terdiri daripada pegawai dan kakitangan JKSM bersama Mahkamah Syariah Negeri-Negeri telah menyertai Bengkel di atas bertujuan merangka pelan penyelarasan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri pada 15 hingga 18 Februari, 2000 di INTAN, Kluang, Johor.



Kursus Pengurusan Rekod Mahkamah Syariah Se-Malaysia



Siri 1 di Kota Bharu, Kelantan

Siri 2 di Pulau Pinang

Siri 3 di Alor Setar, Kedah

JKSM telah menganjurkan 3 siri kursus ini dengan kerjasama Arkib Negara bertujuan untuk menyelaraskan Sistem pengurusan rekod di Mahkamah Syariah Seluruh Negeri-negeri. Seramai 120 orang kakitangan dari seluruh negeri-negeri telah menyertai kursus ini dengan jayanya.

Mesyuarat Kod Etika Hakim Syarie dan Peguam Syarie Se-Malaysia



Pada 28 Mac, 2000 bertempat di Awana Genting Resort, Genting Highland, Pahang telah diadakan Mesyuarat ini yang dihadiri oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri bagi merangka Kod Etika Hakim Syarie dan Peguam Syarie

Aktiviti JKSM Tahun 2000

Mesyuarat Penyelarasan MS ISO 9002 Seluruh Mahkamah Syariah



Mesyuarat terdiri daripada Ketua Pendaftar / Pendaftar dan kakitangan Mahkamah Syariah Seluruh Negeri-Negeri bagi merangka penyelarasan MS ISO 9002 dengan kerjasama MAMPU Diadakan di Awana Genting Highland, Pahang pada 29 -30 Mac, 2000.

Bengkel J/Kuasa Pengurusan Rekod Mahkamah Syariah Se-Malaysia



J/Kuasa yang dibentuk JKSM hasil daripada beberapa siri Kursus Pengurusan Rekod diberi tanggungjawab merangka dan menghasilkan rumusan berkenaan format penyelarasan sistem pengurusan rekod di Mahkamah Syariah seluruh negeri-negeri. Bengkel diadakan pada 15-18 Mei, 2000 di Holiday Villa, Cherating, Kuantan, Pahang.

Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Se-Malaysia



Mesyuarat ini dijalankan bagi merintis tindakan penyediaan deraf bagi Arahan Amalan Mahkamah Syariah Se-Malaysia, pada 10 -12 Mei, di Diamond Puteri, Kota Bharu, Kelantan. Panel jemputan yang turut serta adalah Y.Bhg. Tan Sri Datuk Prof. Harun Mahmud Hashim, bekas hakim Mahkamah Agung, Y.Bhg. Tuan Hj. Sulaiman Abdullah, Presiden Majlis Peguam Malaysia dan Encik Mohd Raziff Tun Zahir daripada Persatuan Peguam Muslim.

Aktiviti JKSM Tahun 2000

BERITA SEMPENA LAWATAN TETAMU KEHORMAT

Majlis Ramah Mesra Dan
Penyampaian Buku Perpustakaan
Mahkamah Syariah



Bersama Y.B. Dato' Paduka
Dr. Abdul Hamid Othman,
Menteri Di JPM



Yang Berhormat Dato' Paduka Dr. Abdul Hamid bin Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah sudi menghadirkan diri bagi menyempurnakan Majlis Ramah Mesra dan Majlis Penyampaian Buku Perpustakaan Untuk Mahkamah Syariah Negeri-Negeri di JKSM pada 2 Mei, 2000. Turut serta dalam majlis ini ialah Yang Berhormat Tuan Haji Doh bin Hj. Omar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Amat Arif Ketua-Ketua Hakim Syariah Seluruh Malaysia

Aktiviti JKSM Tahun 2000



Y.A.A. Ketua Pengarah JKSM telah mengadakan Kunjungan Hormat dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, Kuching, Sarawak pada 13 Jun, 2000



Y.A.A. Ketua Pengarah bersama Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia telah Mengadakan Kunjungan Hormat dengan Tuan Yang Terutama Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran Dandai di Istana Sabah bersempena Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Bil.16 di Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah pada 29 Jun, 2000

Lawatan Kerja YB Dato' Shahrizat Abd. Jalil,
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama Ahli-Ahli Majlis NACIWID di JKSM pada 21 Jun, 2000



YB Dato' Shahrizat Abd. Jalil, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama 13 orang Ahli Majlis NACIWID telah mengadakan lawatan kerja di JKSM. Beliau juga telah menyerahkan Memorandum NACIWID kepada YAA Ketua Pengarah JKSM di akhir majlis tersebut

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH YANG BERKESAN: SUATU TINJAUAN MENURUT PERSPEKTIF “SYARIAH ASAS KEADILAN”

Oleh: Azmee Haji Hussin

DEFINISI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DALAM ISLAM

Pengurusan dan pentadbiran adalah merupakan satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, Islam mempunyai pandangan tersendiri mengenai perkara tersebut. Al-Qur'an menyebut perkara berkaitan pengurusan dan pentadbiran di antaranya dalam Surah Yunus (10): 2 yang bermaksud :

“ Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas ‘Arasy (singgahsana) untuk mengatur segala urusan ”.

Manakala Al-Buraey dalam salah satu tulisannya menjelaskan takrif *yudabbiru amr* ini , sebagai merangkumi keupayaan merancang, merencana, mengarah, mengatur, mengurus dan mentadbir sesuatu urusan. Kesimpulannya penelitian terhadap definisi pengurusan dan pentadbiran itu ialah ianya merupakan satu kaedah disiplin manusia dalam mengatur kegiatan sehari-hari dalam menjalankan apa jua tugas yang diberikan.

KONSEP PENGURUSAN MAHKAMAH SYARIAH

Pengurusan Mahkamah Syariah di negara ini kini sedang pesat dibangunkan dengan konsep pembaharuan dalam menyediakan perkhidmatan kehakiman dan perundangan Islam kepada umat Islam sesuai dengan perubahan sosio-budaya umat Islam di negara ini yang kebanyakannya berpendidikan tinggi dalam berbagai bidang kehidupan. Keperluan umat Islam kepada perkhidmatan Mahkamah Syariah merupakan satu tempat menentukan jalan penyelesaian dalam menghadapi permasalahan kekeluargaan Islam di samping pelaksanaan hukuman ke atas pelakuan jenayah syariah yang dikuatkuasakan mengikut undang-undang negara.

Konsep pengurusan Mahkamah Syariah samalah juga dengan institusi kehakiman dan perundangan yang lain seperti Mahkamah Sivil, cuma berbeza dari sudut sumber perundangan dan kehakiman di mana Mahkamah Syariah bersumberkan syariat Islam.

Dengan bersumberkan syariat Islam, maka sudah tentulah di dalam pengurusan Mahkamah Syariah itu juga menunjukkan dengan nilai-nilai syariat Islam sama ada berorientasikan di kalangan petugas mereka dan juga kepada orang ramai.

Keadilan boleh disifatkan sebagai keharmonian yang wujud antara berbagai pihak dalam anggota sosial termasuk dalam sesebuah Jabatan. Setiap orang dituntut menjalankan tugasnya

sepertimana yang telah dipertanggungjawabkan ke atasnya serta melaksanakan kerja yang telah ditetapkan sesuai dengan kebolehannya. Justeru itu, pentadbir Mahkamah Syariah dalam menentukan tugas kepada seseorang hendaklah mempertimbangkan kesesuaian jawatan tersebut kepada orang yang berkenaan supaya tugas itu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Islam meletakkan keadilan sebagai dasar dan rukun terpenting dalam sistem pengurusan dan pentadbiran. Apabila keadilan dapat ditegakkan bererti organisasi itu telah melaksanakan satu di antara dasar Islam iaitu keadilan sama ada di kalangan organisasi juga kepada pelanggan mereka.

FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN DALAM ORGANISASI MAHKAMAH SYARIAH

Keseluruhannya, setiap organisasi Mahkamah Syariah yang ada kini mempunyai dua bahagian penting iaitu Bahagian Kehakiman dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Bahagian Kehakiman ini merupakan bahagian yang menjalankan fungsi-fungsi utama Mahkamah Syariah iaitu melaksanakan sistem kehakiman Islam sama ada kes mal, kes jenayah atau pengesahan faraid.

Manakala Bahagian Pentadbiran dan Kewangan pula menjalankan fungsi sokongan dalam menyelenggara segala keperluan logistik sama ada untuk pegawai dan kakitangan Mahkamah seperti menguruskan pembayaran gaji dan juga berfungsi bagi menyempurnakan segala keperluan Mahkamah seperti dewan Mahkamah, alat-alat perabot dan keperluan orang ramai yang berurusan di Mahkamah Syariah seperti penyediaan borang-borang permohonan di kaunter dan seumpamanya yang lain. Kedua-dua fungsi bahagian ini sebenarnya berkait rapat dan saling lengkap melengkap di antara satu sama lain memandangkan paksinya adalah untuk merealisasikan sistem kehakiman Islam di Mahkamah Syariah dapat dijalankan dengan lancar. Keberkesanan pengurusan dan pentadbiran di Mahkamah Syariah juga bergantung kepada kekuatan tindakan secara berpasukan (teamwork) oleh kedua-dua bahagian ini. Maka secara tidak langsung, kalangan pegawai dan kakitangan di kedua-dua bahagian ini perlulah mengetahui sebanyak mungkin segala kaedah kerja di antara kedua-duanya . Dalam masa yang sama, ini dapat memudahkan penyelesaian kepada sebarang masalah tenaga kerja yang timbul jika Bahagian itu mengalami kekurangan pegawai dan kakitangan pada suatu masa. Justeru itu, perkhidmatan kepada pelanggan dapat diteruskan dengan baik dan berkesan.

Sebenarnya, amatlah beruntung jika pegawai dan kakitangan di antara kedua-dua bahagian ini mempelajari kaedah kerja sesama mereka kerana manfaat yang diperolehi sungguh besar. Sebagai sekadar contoh di sini, seorang kerani jika mempelajari kaedah kerja di Bahagian Kehakiman, secara tidak langsung sedikit sebanyak ia akan beroleh pengetahuan agama dalam sistem kehakiman dan perundangan Islam seperti hal ehwal fiqh munakahat, faraid dan sebagainya. Manakala seorang Penolong Pendaftar Mahkamah jika mengambil tahu mengenai kaedah tugas-tugas kewangan, maka ia akan secara mudah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahirannya dalam mempelbagaikan pengalaman kerjaya dan paling tidak pun ia akan mudah lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang diwajibkan mendudukinya kepada setiap penjawat awam. Di sebalik kedua-dua contoh itu tadi, apa yang paling penting, petugas di kedua-dua bahagian ini mampu memberikan maklumat yang betul dan jelas kepada pelanggan sekiranya diminta tanpa sebarang masalah.

PERANAN ADIL DAN IHSAN DALAM PENGURUSAN & PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

Keadilan dan ihsan merupakan suatu perintah secara langsung yang dinyatakan oleh Allah SWT. Firman-Nya dalam surah An-Nahl [16]: 90 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebaikan, memberi kepada kaum kerabat dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."

Adil membawa erti meletakkan sesuatu (amanat) itu pada yang berhak menerimanya manakala Ihsan pula bermaksud melakukan sesuatu yang lebih daripada taraf adil. Misalnya, membuat sesuatu mengikut spesifikasi itu merupakan adil, tetapi jika melakukannya melebihi dari spesifikasi adil itu pula merupakan ihsan. Gabungan di antara kedua-dua kriteria inilah yang mampu membentuk perkhidmatan yang cemerlang bagi seseorang insan mahupun melalui sebuah organisasi sebuah Jabatan.

Kedua-dua adil dan ihsan dituntut oleh Islam dalam pengurusan dan pentadbiran. Suasana yang adil sudah tentu akan menggerakkan manusia supaya tidak melakukan sebarang kezaliman termasuk kezaliman ke atas diri sendiri. Keadilan mempunyai ruang lingkup yang amat luas dan ia harus dilakukan sehingga keadilan itu rata-rata dirasai. Manakala ihsan bukan sahaja bermaksud berbuat kebaikan tetapi ia juga bermaksud melakukan sesuatu dengan cara yang terbaik dan cemerlang. Pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah

yang melaksanakan ihsan ini akan sentiasa mencari kebaikan orang bukannya keburukan atau kelemahan orang. Mencari kebaikan orang dan menggunakan dengan cara yang adil dan bijaksana secara tidak langsung ini akan merangsangkan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan pelanggan Mahkamah Syariah untuk melakukan peranan masing-masing dengan cemerlang juga.

Sayangnya, (*meminjam ungkapan kegemaran Allhyarham Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim mengenai sesuatu isu*) jika kedua-dua nilai adil dan ihsan ini tidak dapat dirasai di sebuah Mahkamah Syariah itu maka akan gagallah usaha mempertingkatkan martabat sistem kehakiman dan perundangan Islam di negara ini. Sememangnya, Mahkamah Syariah itu bolehlah juga diibaratkan sebagai sebuah hospital, menghadapi orang-orang yang sakit dalam hal ehwal kekeluargaan. Jadi adalah menjadi tugas setiap petugas Mahkamah Syariah berusaha menawarkan nilai-nilai adil dan ihsan sebagai penawar kepada sakitnya pelanggan itu.

FAEDAH DALAM MENDUKUNG SYARIAH SEBAGAI ASAS KEADILAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Seharusnya setiap petugas di Mahkamah Syariah patut berasa bangga oleh kerana telah ditentukan dirinya terpilih menjalankan syariat Islam melalui fiqh perundangan dan kehakiman Islam yang dahulunya dilaksanakan oleh para Sahabat besar Nabi Muhammad s.a.w. sekalipun berbeza zaman dan keadaannya pada masa kini. Apapun, pada hakikatnya motto "Syariah Asas Keadilan" itu sendiri sudah melakarkan tanggungjawab yang perlu disempurnakan oleh seluruh warga Mahkamah Syariah agar terus dominan pada perspektif umat Islam.

FALSAFAH KESATUAN DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MENURUT ISLAM

Falsafah dalam mendalamati kesatuan melalui organisasi sangatlah penting diperjelaskan sebagai "*guiding principle*" bagi suatu sistem pengurusan dan pentadbiran menurut Islam. Ini merupakan langkah awal bagi melaksanakan sesuatu sistem di dalam organisasi yang dikenali sebagai "*syura*" yang diperkenalkan melalui Sunnah Rasulullah s.a.w. Ia juga mampu mempengaruhi pembentukan struktur sistem tersebut dan seterusnya melahirkan mekanisme yang menyokong semangat falsafah tersebut. Kalau kita mengambil pokok sebagai analogi, *akar pokok* adalah falsafah, *dahan pokok* adalah sistem manakala *ranting pokok* adalah mekanisme untuk sistem beroperasi. Tentunya kita semua inginkan pokok ini akan terus subur, besar serta rendang dan akhirnya mampu mengeluarkan hasil dan mampu juga menaungi mereka yang memerlukan perkhidmatan keadilan di Mahkamah Syariah.

Sekian, Wallahu 'allam

JADUAL AKTIVITI JKSM TAHUN 2000

BULAN	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
Januari	Majlis Sambutan Hari Raya dan Ramah Mesra	27 hb.	JKSM
Februari	Mesuarat Ketua Pendaftar / Pendaftar Bil. 1/2000	10 hb.	JKSM
	Majlis Taklimat JKSM dengan Setiausaha Parlimen di JPM YB Tuan Haji Nohd bin Hj. Omar	10 hb.	JKSM
	Mesuarat Penyelarasaran Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja	15 -18 hb.	INTAN, Kluang, Johor
	Kursus Pengurusan Rekod Siri Ke 3 [Kumpulan Sokongan]	21 - 25hb.	Hotel Seri Malaysia, Alor Setar, Kedah
Mac	Mesuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Kali ke 15	2 hb.	JKSM
	Mesuarat Pelaksanaan Kod Etika Hakim Syarie dan Peguam Syarie	27 - 29 hb.	Hotel Awana, Genting Highland, Pahang
	Mesuarat Penyelarasaran MS ISO 9002	29 -30hb.	Hotel Awana, Genting Highland, Pahang
April	Mesuarat J/Kuasa Semakan Akta Saraan Hakim Syarie	17hb.	JKSM
	Mesuarat J/Kuasa Petugas Sistem Elektronik Mahkamah Syariah Bil.1/2000	17hb.	JKSM
	Bengkel Penyelarasaran Pengurusan Rekod Mahkamah Syariah Se-Malaysia	25 - 28hb.	Legend Resort, Cherating, Pahang
Mei	Majlis Ramah Mesra Menteri Di JPM dengan Ketua-Ketua Hakim Syarie	2 hb.	JKSM
	Mesuarat J/Kuasa Petugas Sistem Elektronik Mahkamah Syariah Bil. 2 / 2000	9 -10 hb.	Mah. Syariah W.P. Kuala Lumpur
	Mesuarat Polisi Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1.	10 - 12hb.	Hotel Diamond Puteri, Kota Bharu, Kelantan
	Mesuarat J/Kuasa Teknikal Pengurusan Rekod Mahkamah Syariah Se-Malaysia	15 - 18hb.	Hotel Seaview, Langkawi, Kedah
	Mesuarat J/Kuasa Semakan Kod Etika Hakim Syarie	25 - 26hb.	Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor
	Urusetia Bersama dengan Akademi Islam, Universiti Malaya menganjurkan Seminar Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah	27hb.	Akademi Islam, Universiti Malaya
	Mesuarat J/Kuasa Kerja Penilaian Sistem Elektronik Mahkamah Syariah [Kali 1/2000]	31hb.	JAKIM
Jun	Mesuarat Penyelarasaran Fail Housekeeping Mahkamah Syariah	6 hb.	JKSM
	Mesuarat Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Bil. 2/2000	12hb.	Hotel Hilton, Kuching, Sarawak
	Mesuarat J/Kuasa Kerja Penilaian Sistem Elektronik Mahkamah Syariah [Kali ke 2 / 2000]	14hb.	Hotel Hilton, Kuching, Sarawak
	Mesuarat J/Kuasa Semakan Kod Etika Peguam Syarie	19 -20hb.	Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor
	Lawatan Timbalan Menteri di JPM YB Dato' Shahrizat Abd. Jalil bersama Ahli-Ahli Majlis PACIWID	21hb.	JKSM
	Mesuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Kali ke 16	29hb.	Hotel Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah

WARGA JKSM



Pegawai & Kakitangan JKSM (1998 - 2000)



Pegawai & Kakitangan JKSM (Hingga Sekarang)

PERTUKARAN



Majlis Perpisahan Tuan Hj. Hussin bin Ahamad, Ketua Pendaftar JKSM yang bertukar ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebagai Ketua Hakim Syarie pada 2hb. Februari, 2000




Majlis Perpisahan Tuan Hj. Mohd Rodhi bin Abu Hashim, Pembantu Tadbir yang bertukar ke Kementerian Pertanian sebagai Ketua Kerani pada 1hb. Mei, 2000



Majlis Perpisahan Puan Zuraidah binti Ayob, Pegawai Penyelidik JKSM yang bertukar ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebagai Pendaftar pada 16hb. Mei, 2000

SELAMAT BERSARA



Majlis Perpisahan
Puan Junainah binti Din,
Pembantu Tadbir Yang bersara
pada 5hb. Jun, 2000